

Ekonomi Sabah meningkat

KOTA KINABALU 13 Sept. — Pertumbuhan ekonomi Negeri Sabah dijangka akan meningkat dengan pesat tahun ini berbanding pencapaian pada tahun-tahun yang lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perkembangan itu berlaku berikutan minat dan keyakinan yang ditunjukkan oleh para pelabur asing terhadap potensi perniagaan di negeri ini.

“Umumnya, pada pendapat saya, ada iklim yang baik di mana para pelabur nampaknya yakin dan berminat untuk melabur di Sabah dan pelancong juga begitu senang hati datang ke negeri ini.

“Apabila diadakan segala kemudahan untuk pelancongan, saya yakin ekonomi Sabah akan meningkat,” katanya kepada pemberita pada satu sidang akhbar, di Lapangan Terbang Lama di sini, sebelum beliau berlepas pulang ke ibu negara.

Menurut Dr. Mahathir, beliau sendiri menyedari aktiviti ekonomi di Sabah meningkat semenjak bera-

da di bawah tampuk pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional (BN).

Katanya, kadar penginapan hotel meningkat begitu tinggi dan fenomena itu turut menyumbang ke arah kemajuan perniagaan di Sabah.

Malah, katanya, pihak swasta juga lebih aktif membangunkan bangunan-bangunan dan memulakan perniagaan baru selepas BN memerintah negeri ini.

Menyentuh mengenai lawatan rasminya selama dua hari ke Sabah, Dr.

Mahathir berkata, ia bertujuan untuk meninjau perkembangan kemajuan yang dicapai oleh negeri ini.

“Ada juga sungutan ini sudah lebih dari 100 hari BN memerintah tetapi belum nampak apa-apa perubahan.”